

Peringatan : Majalah Qalam diharamkan ke Singapura oleh Republik Singapura



**KOPI
PAHIT**

Jawatankuasa Biasiswa Kenangan Mawlid Nabawī Singapura, telah mengadakan perayaan. Perayaan itu bukan perayaan keagamaan yang sesuai dengan kerja-kerja kebajikan dari agama tetapi telah mengadakan peraduan cantik – artinya, kerja-kerja yang berlawanan dengan satu kebajikan dan satu lagi tentu maksiat. Beginikah cara-cara penyelenggaraan perkara-perkara kebajikan yang diambil peluang dalam sempena mawlid? Entahlah! Dunia akan terbalik agaknya.

* * *

Tun (Dr.) Ismail di dalam Parlimen telah menyatakan mengapa kita mengemis kepada bekas penjajah yang menjajah negeri kita untuk menuntut supaya mereka tinggal tetap. Ini berlainan dengan pendapat

Peringatan: Majalah Qalam

Tuan Harry Lee dari Singapura – ia mahu minta British tangguhkan atau lanjutkan masa British tinggal mungkin kerana takut ada orang mahu serang. Jadi perbuatan Mr. Harry Lee itu kalau munurut istilah Dr. Ismail pergi ke London untuk mengemis – *mā shā-Allāh!*

* * *

Habib Jaafar Albar “kenalan lama” Tuan Harry Lee terperanjat mendengar bahawa Harry Lee pergi ke Britain. Kalau meminta bantuan ekonomi Albar menaruh minat. Tetapi sebaliknya ia berhajat supaya British lebih lama duduk di Singapura bagi menyelamatkan pertahanan

negera itu. Takut pada siapa? – kata Habib Jaafar. Malaysia, Indonesia atau siapakah musuhnya? Itu bukan perkara musuh Tuan Habib tetapi mahu bikin besar kekuatan. Takut – helah sahaja – bukankah sekarang kerahan tentera sudah berjalan di Singapura. Semua orang dilatih jadi tentera. Tahukah Habib siapa pelatih utamanya? *Al-Yahūd* – yang dilaknat Tuhan! Berwaspadalah supaya jangan terbalik!

* * *

Harry Lee ugut Britain – kalau lekas-lekas keluar dari Singapura ia mahu gaji tentera-tentera dari luar. Dari mana? Mungkin dari Jepun? Tak mungkin. Habis dari mana? Mungkin *Diharamkan ke Singapura oleh* dari negara China! Mungkin! Sedang ia bilang mahu cari jeneral-jeneral tua British – orang boleh bilang topeng! Habis dari mana? Kan kita sudah tahu sama tahu pelatih tentera di Singapura sudah banyak orang Yahudi! Jadi berabih! Kata orang Jakarta.

* * *

Dalam jamuan-jamuan negara adalah diperundang-undangkan minuman keras tidak boleh disajikan. Dalam jamuan Parlimen kepada Shahanshah Iran, Raja Islam, mudah-mudahan minuman tidak dihidangkan. Orang hanya melihat dari jauh perkara yang mendatangkan syak disebabkan tatkala baginda berdua

minum – apa yang diminumnya tidaklah tahu – tetapi gelas-gelasnya berkaki macam kaki burung bangau – panjang. Ada baiknya yang mendatangkan syak seperti ini, kalau boleh mendatangkan syak mesti dijauhkan?

* * *

Wan Qadir mengadu di dalam Parlimen bahawa imam-imam PAS tidak mahu sembahyangkan jenazah orang UMNO. Rupanya macam mana pun tenaga Pas dihajat juga – moleknnya Wan sendiri menyembahyangkan jenazah – tidak mesti imam Wan babitkan dengan politik. Kan biasa juga didengar orang-orang UMNO tidak mahu hadir di majlis orang PAS kematian – sama sama aja diiiihih!!!

* * *

Doktor Tan Chee Kun tanya :

“Mengapa kesulitan-kesulitan kewangan negeri Kelantan sahaja yang diheboh-hebohkan? – Hal ini tentu heboh di dalam akhbar sedang Tuan Tan Siew Sin menjawab: “Majlis Kewangan Kebangsaan yang menimbangkan permohonan-permohonan dari kerajaan *Republik Singapura*

negeri adalah memberikan perhatian yang sama berat.” Itulah jawapan kepada pertanyaan. Walhasil – kata orang Jakarta : Tau sama tau ajalah!

* * *

Perkataan “ngemis” dari Indonesia – maksudnya meminta sedekah - meminta belas kasihan untuk melepaskan kesusahan. Dahulu di sebuah negara antah berantah orang “mengemis” yang sebenar-benarnya mengemis kerana susah mahu makan dahulu dan ditangkap! Tetapi apa lacur lagi kalau kerajaan mengemis - deh! Allah Maha Agung dan Maha Kaya, Maha Adil, kan sekarang namanya mengemis seperti istilah Tun Dr. Ismail - **Cemeti Al-Farouq.**